

24 MAY 2003

Tebus Guna/I

397 HEKTAR PANTAI TANJUNG TOKONG DITEBUS GUNA BAGI TUJUAN KOMERSIL

PULAU PINANG, 24 Mei (Bernama) -- Seluas 397 hektar garisan pantai Tanjung Tokong akan ditebus guna bagi tujuan pembangunan pelancongan, komersil dan hartanah yang dijangka mengambil masa antara 10 dan 12 tahun untuk disiapkan.

Pengarah Tanjung Pinang Development Sdn Bhd Datuk Dr Nik Mohd Kamel Nik Hassan berkata rancangan dalam tiga fasa itu akan mewujudkan sebuah kawasan tanjung hingga ke kawasan tanah sedia ada di Tanjung Tokong serta empat pulau yang disambung antara satu dengan lain dengan jambatan dan jalan raya.

"Pembangunan yang dimulakan pada Jun 1992 ini akan siap pada 2015 manakala tanjung yang akan diwujudkan itu pula akan mempunyai penduduk kira-kira 40,000 orang apabila disiapkan," katanya pada majlis pelancaran projek berkenaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Khalid Ramli dan para anggota Exco negeri.

Nik Mohd Kamel berkata pembangunan fasa satu akan mengandungi 1,279 unit kondominium, 135 unit bungalow, 264 rumah berkembar, 355 unit rumah teres berangkai dan 1,300 unit pangsapuri kos sederhana dan rendah.

Tanah yang ditebus guna itu akan digunakan bagi tujuan pembinaan kawasan komersil dan kediaman untuk menampung kekurangan tanah di Pulau Pinang manakala fasa kedua dan ketiga bagi pembinaan kompleks komersil, pusat jualan runcit, kemudahan rekreasi dan liburan, padang golf serta marina.

Beliau berkata bagi memastikan wujudnya gaya hidup harmoni untuk penduduk, kawasan yang secukupnya akan diperuntukkan bagi pembinaan kemudahan awam, taman rekreasi dan infrastruktur.

"Sebelum melaksanakan projek ini, syarikat menjalankan kajian menyeluruh bagi menilai kesan yang mungkin timbul akibat kerja menebus guna tanah itu terhadap persekitaran garisan pantai tempatan. Penemuan yang dibuat adalah positif," katanya.

Nik Mohd Kamel berkata projek itu akan memberi manfaat kepada garisan pantai yang bertentang dengan Gurney Drive dan melindungi garisan pantai Gurney Drive sendiri daripada hakisan akibat serangan ombak.

Mengikut perjanjian konsesi yang dimeterai dengan kerajaan negeri, Tanjung Pinang Development Sdn Bhd diberi hak eksklusif untuk menebus guna dan memajukan garisan pantai Tanjung Tokong, 5 km ke timur laut Georgetown, dengan kos yang dianggarkan RM5 juta.

Tanjung Pinang dimiliki 70 peratus oleh Permaijana Ribu (M) Sdn Bhd (milik UEM Berhad, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang dan Magma Berhad) dan 30 peratus oleh Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang (KGN) serta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

-- BERNAMA

SA ZU SP NAK